

30/07/1998

Ambil untung tanpa mudaratkan pengguna

Roslan Ibrahim

KELEMBAPAN ekonomi dan kejatuhan nilai ringgit sering dijadikan alasan oleh sesetengah peniaga untuk menaikkan harga barang.

Apa yang mereka fikirkan ialah memaksimumkan keuntungan. Di kebanyakan gerai, harga makanan dijual berlipat ganda. Dalam satu kes di Muar, Johor misalnya sepinggan nasi putih, seekor ikan kembung dan teh ais dijual dengan harga RM9.

Peniaga sudah berani menjual makanan dan minuman mengikut nafsu sendiri.

Apabila pengguna menegur, mereka akan mendakwa perkara itu tidak dapat dielakkan kerana kos barangan yang diimport mahal apatah lagi ringgit susut.

Walaupun kebanyakan alasan itu tidak munasabah, pengguna seolah-olah terpaksa menerima kenyataan sedemikian.

Jika tidak mahu membeli, beratus malah beribu lagi sudah menunggu untuk mendapatkan makanan itu, apatah lagi mereka yang sebelumnya sering makan di hotel juga sudah berpindah selera ke gerai atau medan selera.

Perdana Menteri yang kecewa dengan fenomena itu meminta orang ramai mengetepikan peniaga yang cuba mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlipat ganda dalam keadaan kegawatan ekonomi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan pengguna membeli daripada peniaga yang menjual pada harga berpatutan. Walaupun bukan dengan cara memboikot, ia adalah kaedah berkesan bagi memberi pengajaran pengguna kepada peniaga tamak.

Dalam Islam, peniaga dibenarkan membuat keuntungan semaksimum mungkin tetapi dalam waktu yang sama, mereka perlu mempunyai tanggungjawab sosial dan memikirkan kepentingan masyarakat.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Hashim Yahya, berkata dalam al-Quran dan hadis tiada nas yang menentukan had keuntungan yang boleh diperolehi peniaga, malah ketika zaman Nabi Muhammad, ada peniaga yang mendapat laba sehingga 600 peratus.

Beliau berkata, Islam bertindak sedemikian supaya berlaku adil kepada semua pihak kerana keadaan serta hajat manusia sentiasa berubah.

Jika Allah menetapkan peniaga mengambil untung pada had tertentu saja, ia sudah menyekat kebebasan berniaga.

"Bagaimanapun, syarat untuk mendapat keuntungan, peniaga mesti menjalankan perniagaan secara bersih, bebas daripada penipuan atau menyorok barangan.

"Kedua, peniaga tidak boleh menjual barang dengan harga terlalu mahal jika perkara itu boleh mengakibatkan kemudaratkan kepada orang lain apatah lagi membabitkan barang keperluan harian.

"Kesimpulannya, Islam tidak membenarkan langsung peniaga mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri sehingga menyusahkan orang lain," katanya.

Menurut beliau, garis panduan yang digunakan Islam bagi mendidik peniaga amat mudah iaitu apa yang kita buat jangan sesekali memudaratkan orang lain walaupun perkara itu harus seperti mendapat keuntungan dalam perniagaan.

Malah, peniaga boleh dihukum haram jika sengaja menaikkan harga barang dengan mendakwa ia diimport padahal tiada kaitan antara kedua-duanya.

Kebanyakan yang berlaku ialah peniaga sengaja mengambil kesempatan daripada masalah semasa.

Kenaikan harga gula misalnya hanya 10 sen sekilogram tetapi peniaga

menaikkan harga minuman antara 10 dan 20 sen padahal mereka hanya menggunakan sesudu gula. Itu tidak patut.

Namun, jika peniaga membeli sesuatu barangan dengan harga mahal, kes itu berbeza kerana mereka juga berhak untuk mendapat untung.

Ia bukan menindas orang ramai malah masyarakat sendiri tahu barangan itu mahal.

"Dalam sistem ekonomi Islam, tujuan perniagaan bukan untuk mendapat keuntungan semata-mata kerana yang lebih penting ialah ihsan atau tanggungjawab sosial.

"Jika seseorang peniaga berpendapat berniaga semata-mata untuk mendapat untung sehingga mengetepikan perkara lain malah sanggup menindas orang ramai, itu adalah sistem ekonomi kapitalis," katanya.

Sepatutnya sebagai peniaga Islam, mereka perlu menanam azam untuk mencari rezeki halal selain tidak lupa menunaikan tanggungjawab sebagai Muslim iaitu mengeluarkan zakat perniagaan.

Hashim mengingatkan peniaga jangan terlalu rakus mengejar keuntungan sehingga mengetepikan perkara haram. Dalam Islam, rezeki yang diperolehi hasil penipuan dan penindasan tidak diberkati Allah.

Mungkin seseorang itu untung sekejap tetapi dalam tempoh jangka panjang seseorang itu tidak tahu balasan daripada Allah. Jika tidak berlaku di dunia, Allah tetap akan menyoal kita di akhirat.

"Sepatutnya dalam perniagaan tidak ada peniaga tamak kerana perniagaan itu sendiri adalah ibadat dan tanggungjawab sosial.

"Rasulullah pernah berkata bahawa peniaga yang jujur dan amanah akan dikumpul bersama syuhadah dan solehin di akhirat," katanya.

Bagi membanteras peniaga tamak dan mementingkan diri, pemerintah bertanggungjawab mengambil tindakan mengawal harga.

Walaupun perkara seumpama tidak pernah dilakukan pada zaman Nabi Muhammad, ia dibolehkan jika mahu mengelak sebarang bentuk penindasan.

Menurut Hashim, beliau bimbang jika tiada tindakan tegas kerajaan dan kenaikan harga barangan dibiarkan berterusan, pelbagai implikasi negatif akan berlaku, antaranya tunjuk perasaan, rusuhan, rompak dan kejadian jenayah seperti di Indonesia.

Pemuluan boleh dilaksanakan pemerintah malah ia salah satu kaedah bagi mendidik peniaga tamak.

Tindakan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) memulau daging ayam misalnya dibolehkan tetapi niat perlu ikhlas, bukan mahu mencari kepentingan politik.

"Jika pelbagai usaha untuk mendidik peniaga gagal, pemerintah boleh menggunakan kuasa undang-undang bagi memenjarakan peniaga kerana dalam sahsiah syariah, tanggungjawab itu perlu dilaksanakan bagi mengawal keadaan supaya rakyat tidak tertindas.

"Pelaksanaan hukum penjara bukan tindakan kejam, sebaliknya dibenarkan Islam kerana pemerintah perlu menjaga kepentingan masyarakat supaya tidak berlaku huru-hara," katanya.

Bagi mendidik peniaga supaya lebih bertanggungjawab, beliau mencadangkan lebih banyak program ceramah dan kursus mengenai konsep perniagaan Islam diadakan.

Selain itu, bacaan khutbah Jumaat juga perlu memberi penekanan kepada sistem ekonomi Islam.

Hashim sedar ramai peniaga Islam tidak mempunyai kekuatan iman untuk mengelak daripada mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlipat ganda.

Bagaimanapun, jika mereka terus didedahkan dengan ceramah atau kursus keagamaan, perkara itu dapat dikurangkan.

Katanya, peniaga perlu sedar wang yang diperolehi daripada cara penipuan adalah haram.

Ini bermakna daging yang tumbuh daripada rezeki yang haram itu akan

menjadi makanan api neraka di akhirat nanti.

"Kita perlu mencontohi Rasulullah yang bersikap jujur dan amanah dalam menjalankan perniagaan sehingga memikat hati Khatijah malah baginda masih mampu mendapat untung yang besar tanpa perlu menipu dan mengambil kesempatan menaikkan harga," katanya.

(END)